

89- Kadang-kadang terdapat pengulangan (ayat atau rangkai kata) kerana konteks yang berlainan.	قَدْ يَرِدُ التَّكَرُّارُ لِتَعَدُّدِ الْمُتَعَلِّقِ.	قاعدة ٨٩
--	---	----------

Keterangan:

Ada beberapa ayat atau rangkai kata di dalam al-Qur'an yang berulang-ulang, ia tidak diulangi tanpa sebab dan tanpa maksud tertentu. Biasanya pengulangan berlaku kerana konteksnya berlainan.

Sebagai contohnya lihat beberapa firman Allah di bawah ini:

(1)

خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَلٍ كَالْفَخَّارِ ۖ وَخَلَقَ الْجَانَّ مِنْ مَّارِجٍ مِنْ نَّارٍ ۖ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿١٦﴾ رَبُّ الْمَشْرِقَيْنِ وَرَبُّ الْمَغْرِبَيْنِ ﴿١٧﴾ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿١٨﴾

Bermaksud: Dia (Allah) menciptakan manusia (lembaga Adam) dari tanah liat kering seperti tembikar, (14)

Dan Dia telah menciptakan jin dari lidah api yang menjulang-julang; (15)

Maka yang mana satu di antara ni`mat-ni`mat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? (16)

(Dia-lah) Tuhan yang mentadbirkan dua timur, dan Tuhan yang mentadbirkan dua barat. (17)

Maka yang mana satu di antara ni`mat-ni`mat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? (18). (ar-Rahman: 14-18).

Firman Allah رَبُّكُمَا تُكَذِّبَانِ diulangi lebih 30 kali di dalam Surah ar-Rahman. Dan di setiap tempat ia memberikan maksud yang bersesuaian dengan ayat yang tersebut sebelumnya. Dengan begitu erti ta'sis (ma'na baharu) sentiasa ada setiap kali ia diulangi. Allah s.w.t. menghendaki hamba-hambaNya dari kalangan jin dan manusia menerima dan mengakui setiap ni`mat yang dikurniakanNya kepada mereka, lalu mereka bersyukur kerananya.

(2)

أَلَمْ نَخْلُقْكُمْ مِنْ مَّاءٍ مَّهِينٍ ۝ فَجَعَلْنَاهُ فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ۝ إِلَى قَدَرٍ مَّعْلُومٍ ۝ فَقَدَرْنَا فَنِعْمَ الْقَدِرُونَ ۝ وَيَلَّ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ۝ أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ كِفَاتًا ۝ أَحْيَاءَ وَأَمْوَاتًا ۝ وَجَعَلْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ شَاخِصَاتٍ وَأَسْقَيْنَاكُم مَّاءً فُرَاتًا ۝ وَيَلَّ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ۝

Bermaksud: Bukankah Kami telah menciptakan kamu dari air (benih) yang hina? (20)

Lalu Kami letakkannya pada tempat penetapan yang kukuh, (21)

Hingga ke suatu masa yang terma`lum? (22)

Serta Kami tentukan (keadaannya), maka Kamilah sebaik-baik yang berkuasa menentukan dan melakukan (tiap-tiap sesuatu)! (23)

Kecelakaan besar, pada hari itu, bagi orang-orang yang mendustakan (kekuasaan Kami)! (24)

Bukankah Kami telah menjadikan bumi (sebagai tempat) penampung dan penghimpun (penduduknya)? (25)

Yang hidup dan yang mati? (26)

Dan Kami telah jadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya, yang tinggi menjulang; dan Kami telah memberi minum kepada kamu air yang tawar lagi memuaskan dahaga? (27)

Kecelakaan besar, pada hari itu, bagi orang-orang yang mendustakan (nikmat-nikmat pemberian Kami)! (28). (al-Mursalāt:20-28).

Firman Allah: وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِلْمُكَذِّبِينَ diulangi sebanyak 10 kali di dalam Surah al-Mursalāt. Setelah menyebutkan tentang sesuatu perkara Allah berfirman: وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِلْمُكَذِّبِينَ.

(3)

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُمْ مُؤْمِنِينَ ۚ وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ۝

Bermaksud: Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan dan rahmat pengurniaan Allah); dan (dalam pada itu), kebanyakan mereka tidak juga beriman. (8)

Dan sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) Dia-lah sahaja Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani. (9).

Dua potong ayat di atas diulangi pada 8 tempat di dalam Surah asy-Syu`arā' setelah dikemukakan tentang sesuatu perkara yang menunjukkan kekuasaan Allah atau azabNya yang telah menimpa golongan manusia tertentu yang derhaka.